

**GARIS PANDUAN
PERMOHONAN PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA
KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA DI MALAYSIA
UNTUK DIPERAKUKAN KEPADA KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

1. SYARAT PERMOHONAN

Semua institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) yang ingin mengambil pelajar antarabangsa hendaklah mengemukakan Borang PPAB01(Pin.1/2008) ke Unit Ekspatriat, Sektor Pengurusan IPTS, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pemohon seharusnya meneliti garis panduan ini sebelum mengemukakan permohonan. Permohonan yang lengkap dan memenuhi syarat akan diproses.

2. REKOD PRESTASI

2.1 IPTS hendaklah mempunyai rekod yang baik dari segi pematuhan undang-undang dan peraturan bertulis yang berkaitan dengan pendidikan swasta dan pengambilan pelajar antarabangsa.

2.2 IPTS yang mempunyai rekod melanggar undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pendidikan swasta dan pengambilan pelajar boleh menyebabkan kelulusan yang diperolehi terdahulu ditarik balik pada bila-bila masa.

3. PINDAAN NAMA DAN PERTUKARAN ALAMAT

Sebarang pindaan nama dan pertukaran alamat IPTS hendaklah dimaklumkan ke Unit Ekspatriat, Sektor Pengurusan IPTS, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan menyertakan salinan surat kelulusan mengenai perkara tersebut.

4. KELULUSAN KDN

4.1 Kelulusan KDN hendaklah diperbaharui setiap 2 tahun. Kegagalan IPTS mengemukakan permohonan pembaharuan akan menyebabkan kelulusan KDN ditarik balik.

4.2 IPTS yang telah dijual kepada pengusaha yang lain atau bergabung dengan IPTS yang lain dengan sendirinya akan terbatal kelulusan KDN. Pemilik yang baru perlu memohon semula kelulusan KDN sekiranya ingin mengambil pelajar antarabangsa.

4.3 IPTS yang berpindah premis harus memanjangkan kelulusan pindah premis kepada Unit Ekspatriat bagi menilai semula kelulusan KDN.

5. KEMUDAHAN FIZIKAL

- 5.1. IPTS hendaklah mempunyai kemudahan fizikal seperti bilangan bilik kuliah, perpustakaan, bilik dewan, makmal serta kemudahan Pengajaran & Pembelajaran lain yang baik, mencukupi serta kondusif

6. KURSUS YANG DITAWARKAN

- 6.1. Semua kursus yang ingin ditawarkan kepada pelajar antarabangsa mestilah yang telah mendapat kelulusan dari Kementerian Pengajian Tinggi dan kursus tersebut telah mendapat akreditasi provisional atau akreditasi.
- 6.2. Bilangan tenaga pengajar hendaklah mencukupi, serta mempunyai kualiti dan kelayakan akademik yang baik.
- 6.3. Sekiranya terdapat kursus pengajian tambahan yang hendak ditawarkan kepada pelajar antarabangsa, IPTS perlu mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk diperakukan ke Kementerian Dalam Negeri.

7. UNIT / PEJABAT PELAJAR ANTARABANGSA

- 7.1 IPTS hendaklah mempunyai unit atau pejabat pelajar antarabangsa yang bertanggungjawab dalam semua urusan berkaitan dengan pelajar antarabangsa.
- 7.2 Unit atau pejabat ini hendaklah dikendalikan oleh kakitangan yang berkelayakan dan berpengalaman dalam urusan pelajar antarabangsa khusus dalam bidang kaunseling.

8. KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

- 8.1 IPTS hendaklah menyediakan tempat tinggal untuk pelajar antarabangsa. Tempat tinggal ini adalah dalam bentuk asrama yang disediakan oleh institusi berkenaan atau rumah / apartment sewaan yang diurus penyediaan dan penyeliaannya oleh institusi berkenaan.
- 8.2 IPTS adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar yang tinggal di asrama, rumah atau apartment sewaan di bawah seliaannya.

- 8.3 Bilangan pelajar yang mendiami rumah / apartment / bilik hendaklah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Kerajaan tempatan.

9. PEMERIKSAAN KESIHATAN

Pelajar antarabangsa dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan di negara asal dan membawa bersama rekod kesihatan tersebut untuk disahkan oleh pegawai perubatan (doktor) di Malaysia.

10. PERPINDAHAN PELAJAR ANTARABANGSA ANTARA IPTS

Pelajar antarabangsa boleh berpindah dari satu IPTS ke IPTS lain dengan syarat ;

- 10.1 Pelajar telah menerima surat tawaran daripada IPTS yang ingin dimasuki.
- 10.2 Pelajar telah juga mendapat pelepasan daripada IPTS asal.
- 10.3 IPTS perlu mendapatkan kelulusan bertulis dari Kementerian Pengajian Tinggi sebelum memohon kepada Jabatan Imigresen Malaysia.
- 10.4 Pelajar perlu menamatkan sesuatu tempoh/semester/program bagi program pengajian yang diikuti di institusi ia belajar.

11. INSURANS PELAJAR ANTARABANGSA

IPTS hendaklah menguruskan insurans untuk pelajar antarabangsa yang merangkumi perkhidmatan kesihatan, kemalangan dan kematian.

12. DASAR PEMULANGAN YURAN DAN FI PENGAJIAN

- 12.1 IPTS hendaklah menyediakan Buku Panduan Pelajar yang mengandungi pelbagai yuran dan satu dasar pemulangan yuran dan fee pengajian yang jelas dan mudah difahami oleh pelajar.
- 12.2 IPTS adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada setiap pelajar akan dasar dan prosedur pemulangan pelbagai yuran dan fee pengajian sebelum mereka berdaftar dengan institusi berkenaan.
- 12.3. Kegagalan memulangkan pelbagai yuran dan fi pengajian yang menjadi hak pelajar membolehkan kelulusan mengambil pelajar antarabangsa ditarik balik.

13. MAKLUMAN KEPADA KEDUTAAN NEGARA ASAL PELAJAR ANTARABANGSA

IPTS dikehendaki menghantarkan senarai nama pelajar antarabangsa yang mengandungi nama, alamat penginapan di Malaysia, jantina, nombor pasport, nama kursus, peringkat pengajian, tarikh mula pengajian dan tarikh tamat pengajian kepada Kedutaan atau Konsulat negara asal pelajar dalam Bahasa Inggeris (SALINAN KEPADA JABATAN INI).

14. REKOD DAN LAPORAN TAHUNAN PELAJAR ANTARABANGSA

14.1 Institusi adalah bertanggungjawab menyimpan rekod pelajar antarabangsa termasuklah kehadiran dalam kelas.

14.2 Institusi hendaklah mengemukakan rekod kehadiran pelajar bila diperlukan pada bila-bila masa.

14.3 Institusi hendaklah memaklumkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia sekiranya pelajar gagal menghadiri kelas tiga hari berturut-turut tanpa sebarang sebab dan satu salinan dikemukakan ke Sektor Pengurusan IPTS, JPT, KPTM.

14.4 Kegagalan mengemukakan rekod kehadiran pelajar membolehkan kelulusan mengambil pelajar antarabangsa ditarik balik pada bila-bila masa.

14.5 Laporan Pelajar Antarabangsa hendaklah dikemukakan setiap bulan ke agensi-agensi berikut:

- Sektor Pengurusan IPTS, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;

15. KOD AMALAN ETIKA PENGAMBILAN PELAJAR ANTARABANGSA DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

IPTS yang telah dan bercadang untuk mengambil pelajar antarabangsa hendaklah mengamalkan garis panduan yang tercatat dalam kod amalan berkenaan.